

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

- PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**
- DARIPADA** : **TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH**
[SABAK BERNAM]
- TARIKH** : **18 JUN 2014**
- SOALAN** : **TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakan manfaat dan apakah kesan positif pertemuan peserta inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara (YSEALI) dengan Presiden Amerika Syarikat (AS) Barack Obama khususnya dalam membuka peluang pemimpin muda Malaysia dengan pemimpin muda dan komuniti Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertemuan peserta Inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara (*Young South East Asian Leadership Initiative* – YSEALI) dengan Amerika Syarikat pada 27 April 2014 merupakan program anjuran Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dengan kerjasama oleh Universiti Malaya.

3. Semasa sesi tersebut, Presiden Barack Obama telah menyentuh peranan dan tanggungjawab golongan belia sebagai pemimpin di masa hadapan. Para peserta turut berpeluang berinteraksi dengan beliau. Secara tidak langsung, Presiden Obama turut mendengar aspirasi pemimpin muda Asia Tenggara mengenai isu-isu serantau dan global serta mengenai peranan Amerika Syarikat di arena antarabangsa.

4. Presiden Obama turut menyatakan pandangan beliau terhadap Malaysia dimana beliau telah memuji program transformasi yang dilakukan oleh Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri. Sesi berkenaan secara tidak langsung telah menyumbang ke arah pengukuhan hubungan dua hala Malaysia – Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 144

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebab Kementerian tidak menjalankan siasatan dan carian MH370 di “koridor utara” di utara Malaysia tetapi hanya menumpukan carian di Lautan Hindi. Apakah pasukan penyelamat MH370 akan mencari kapal terbang tersebut di koridor utara selepas gagal mendapat apa-apa maklumat di Lautan Hindi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, Koridor Utara merentasi 11 buah negara bermula dari bahagian utara Thailand hingga ke sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan. Manakala Koridor Selatan merentasi 2 buah negara iaitu Indonesia dan Australia (bahagian selatan Lautan Hindi).

Kerajaan Malaysia telah memohon kerjasama daripada 11 buah negara tersebut untuk menjalankan pencarian pesawat MAS MH370 di koridor utara. Negara-negara tersebut telah mengesahkan bahawa berdasarkan maklumat radar, adalah didapati pesawat MH370 tidak memasuki ruang udara negara-negara tersebut.

Bangladesh dan Cambodia telah turut mengerahkan aset-aset mereka untuk melaksanakan operasi *Search and Rescue* (SAR) dalam *Search and Rescue Region* (SRR) masing-masing. Namun, hasil operasi SAR yang telah dijalankan tidak menjumpai pesawat MH370 di SRR mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 145

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan syarikat pemilikan kapal terbang yang digunakan oleh MAS serta jumlah ataupun bagaimana ianya dikenakan sewa. Senaraikan jumlah jenis kapal terbang sejak penukaran milik dari MAS serta jumlah sewa yang telah dibagi semenjak tarikh tersebut.

JAWAPAN

Pihak MAS dan syarikat-syarikat pemilikan kapal adalah terikat dengan terma-terma di dalam kontrak di antara mereka. MAS adalah terikat dengan obligasi kerahsiaan/tidak boleh mendedahkan maklumat di dalam kontrak tersebut. Yuran perunding atau kos pembelian yang dibayar oleh MAS adalah merupakan maklumat sulit dan terikat dengan terma-terma di dalam kontrak. Maka, maklumat tersebut tidak boleh didedahkan.

Sesetengah pembiaya untuk pesawat-pesawat MAS ialah Penerbangan Malaysia Berhad (PMB), Turus Pesawat, Exim Bank Malaysia, DVB dan Pembroke. Sehingga kini, pesawat-pesawat Malaysia Airlines pesawat adalah seperti berikut:

Jenis Pesawat	Jumlah Pesawat (sehingga 16 Mei 2014)
<i>Narrow Body</i>	
B737-400	16
B737-800	54
<i>Wide-Body</i>	
A330-300	17
A330-800	6
B777-200	14
B747-400	4
Jumlah Besar	111

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KING YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 146

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) sebab-sebab syarikat penerbangan Malindo tidak lagi berfungsi di Sibu mulai bulan April 2014; dan
- (b) bagaimanakah dengan penempahan tiket (*advance booking*) yang dibuat sebelum ini dan adakah Kementerian dapat memastikan rakyat menerima bayaran balik atau pampasan yang sepatutnya daripada syarikat penerbangan Malindo.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

- a) Syarikat Penerbangan Malindo menamatkan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Kuala Lumpur ke Sibu bermula 1 April 2014 adalah disebabkan *load factor* yang tidak memuaskan. Walaubagaimanapun, syarikat MAS dan AirAsia menyediakan penerbangan untuk laluan tersebut.

- b) Bagi penumpang yang membuat tempahan tiket *advance booking*, pihak Malindo telah membuat pembayaran balik kepada penumpang yang berkenaan.